



MASJID Kapitan Keling, antara bangunan bersejarah yang terpilih untuk disertakan dalam buku *Pinang: Beyond Aspirations*.

lau Pinang itu jauh berbeza daripada yang pernah diterbitkan dan berada di pasaran kerana ia berdasarkan 'pandangan asli anak jati' yang datang dari latar belakang yang berbeza-beza.

"Usah bimbang anda akan bosan atau tertidur ketika membaca buku penuh fakta ini kerana jauh daripada itu, *Pinang: Beyond Aspirations* akan menjadi teman minum kopi anda yang menenggelamkan anda dalam kisah pendek yang dikaitkan dengan tempat bersejarah," katanya pada majlis jamuan makan malam sempena acara kutipan dana RM100,000, di Hotel E&O, Pulau Pinang, baru-baru ini.

Katanya, berbual atau menulis berhubung Pulau Pinang seakan-akan tidak sah jika tidak memasukkan topik keenakan dan kepelbagaian hidangan serta makanannya.

Yang penting, sisipan dalam buku ini dianggap perlu kerana jika Las Vegas dikenal sebagai Bandar Raya Yang Tidak Tidur, Pulau Pinang menjadi Pulau Yang Tidak Berhenti Makan.

Bagi memberi kelainan, *Pinang: Beyond Aspirations* memilih untuk menonjolkan beberapa personaliti yang berjaya dalam bidang makanan pada peringkat antarabangsa selepas beberapa tahun memulakan langkah untuk berjinak dengan dunia perniagaan di Pulau Mutiara, bersesuaian dengan na-

manya sebagai Ibu Kota Makanan Malaysia.

"Antara mereka ialah Saw Hai Earn yang membawa perniagaan syarikat Butterworth Iceworks yang lahir pada 1986 ke arena antarabangsa sebagai pembekal makanan laut ke Sukan Olimpik di Sydney pada 2000 lalu, melalui jenama Golden Fresh," katanya.

Sementara itu, bagi Saw, kejayaan paling bermakna yang dicipta syarikat itu setakat ini ialah kontrak bekalan kepingan ikan beku untuk dihidangkan sempena kejohanan Wimbledon 2003 di England.

"Ia membuktikan syarikat dari sebelah sini sudah mampu menandingi dan menguasai pasaran biar pun produk yang menjadi pengantaraannya sudah begitu lama dinikmati oleh masyarakat sebelah sana," katanya sambil menambah Golden Fresh kini mengeksport 98 peratus keluarannya ke pasaran antarabangsa termasuk rantau Asia Pasifik, Eropah, Afrika Selatan, New Zealand, Lubnan, Timur Tengah, Australia dan England.

Seorang lagi anak Pulau Pinang yang turut membuktikan keupayaannya untuk mengharumkan nama tanah tumpah darahnya ialah, Pengerusi merangkap Pengarah Urusan B&W Products Sdn Bhd, Sim Ah Chye.

Jika pada 1980-an dulu, ramai peng-

kritik menyifatkannya sebagai membuang masa kerana mahu mempromosikan trend minum kopi uncang kini, Sim membuktikan kesiapan mereka.

Ini kerana konsep minum kopi uncang tiga-dalam-satu Sim itu sudah pun diterima dan diguna pakai bukan saja oleh satu malah ratusan syarikat pembuat kopi di merata dunia.

Mujurlah Sim tidak menghiraukan kritikan itu dan dengan sungguh-sungguh memperkenalkan idea serta jenamanya secara serentak.

Bertitik tolak daripada situ, pada 1990-an Sim terus memperkenalkan kopi ala-Cappuccino lengkap dengan buih tanpa perlu melalui mesin pengisar kopi biasa.

Hari ini, syarikat Sim adalah pengeluar pelbagai kopi berjenama terkemuka dari Ginseng ke Espresso.

Kesimpulannya kata Teh, kesemua paparan menarik itu jelas membuktikan hakikat bahawa belum cuba belum tahu dan hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih.

Beliau berkata, penghasilan buku berkenaan juga tidak mungkin menjadi kenyataan tanpa sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh penulis, pengarang dan jurugambar profesional yang menyumbangkan tenaga tanpa penat lelah demi menerbitkan buku itu.